

# Serang peribadi bukti Pas tiada isu

UM  
-11/3/2004  
Pg. 5

Oleh JOHARDY IBRAHIM

**K**UALA LUMPUR 10 Mac — Tindakan Pas yang menggunakan pendekatan serangan peribadi ke atas Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi jelas menunjukkan parti tersebut tidak mempunyai isu untuk dijual kepada rakyat, kata Tun Dr. Mahathir Mohamad.

“Maka mereka menggunakan serangan peribadi yang tidak berkaitan dengan pentadbiran negara ini,” kata bekas Perdana Menteri itu.

Beliau diminta mengulas langkah Pas yang mengisytiharkan parti itu akan terus menggunakan pendekatan serangan peribadi kepada pemimpin Barisan Nasional dalam kempen pilihan raya umum ke-11 ini.

Dr. Mahathir ditemui pemberita selepas merasmikan Pusat Pemuliharaan Muzium Kesenian Islam di sini, hari ini.

Ditanya apakah mesej kepada dunia jika UMNO menang ber-

banding Pas yang dilabelkan sebagai ekstremis agama, Dr. Mahathir berkata, UMNO mengamalkan pendekatan Islam yang sederhana yang asas atau fundamental.

“Ini berbeza dengan kaedah tafsiran bebas oleh pelbagai pihak terutama pembangkang, sehingga mengakibatkan perpecahan di dalam umat Islam.

“Selama ini pun, UMNO sentiasa menewaskan Pas. Mesej kemenangan UMNO kelak adalah sama iaitu Islam bukan suatu halangan kepada pembangunan negara.

“Islam bukan halangan untuk mewujudkan kehidupan selamat, hubungan baik, harmoni dan aman, sama ada kalangan Islam dan bukan Islam.” katanya.

Kepada satu soalan, Dr. Mahathir berkata, beliau tetap yakin BN akan mampu mempertahankan Kedah dan akan memenangi majoriti undi yang lebih baik berbanding pilihan raya umum 1999.

“Pilihan raya yang lalu, pema-

ngkang mengeksploitasikan isu ‘mata hitam’ dan mereka menerima banyak undi.

“Tetapi hari ini, isu tersebut bukan lagi sebuah isu,” kata beliau.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr. Mahathir mahu usaha-usaha pemuliharaan seni warisan Islam dipergiatkan untuk pengetahuan generasi masa depan.

“Lazimnya, umat Islam sendiri tidak menitik beratkan soal memulihara barangan-barangan lama terutama kesenian Islam, tetapi ia sebenarnya membantu kita memahami mengenai sejarah silam untuk jadi pedoman di masa depan,” ujarnya.

Pusat pemuliharaan di dalam Muzium Kesenian Islam itu ditubuhkan dengan kos RM25 juta oleh Yayasan Al-Bukhary dan RM350,000 sumbangan daripada Siemens Malaysia.

Pusat itu mengandungi lima makmal iaitu bahan organik dan bukan organik, bahan basah, analitikal dan fotografi.



**DR. MAHATHIR** Mohamad mendengar penerangan Syed Mohamad Al-Bukhary, Pengarah Muzium Kesenian Islam mengenai pedang Lombok Chunderik dari Indonesia sambil diperhatikan oleh Friedrich Zink di Kuala Lumpur, semalam.

Turut hadir pada majlis itu ialah Pengerusi Eksekutif Yayasan Al-Bukhary, Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary dan Pakar Pemuliharaan dari Jerman, Friedrich Zink.